



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### 10 RIBU PENGUNJUNG HADIR MEMERIAHKAN PROGRAM FOODUNITES INI WARISAN KITA EDISI SARAWAK

---

**KUCHING, 3 Februari** – Kira-kira seramai 10 ribu orang pengunjung dijangka hadir memeriahkan Program FoodUnites Ini Warisan Kita Edisi Sarawak yang berlangsung pada 3 dan 4 Februari di Kuching Waterfront, Sarawak. Majlis perasmian pembukaan telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara, di sini, hari ini.

Program FoodUnites merupakan satu daripada inisiatif Kementerian Perpaduan Negara (KPN) bertujuan untuk menghidupkan semula dan mengekalkan makanan warisan sebagai simbol perpaduan di Malaysia. **Foodunites merupakan tapak integrasi baharu yang akan diketengahkan sebagai salah satu platform untuk mengukuhkan jalinan interaksi sosial ‘inter’ dan ‘intra’ etnik** di Malaysia untuk menyemarakkan semangat kebersamaan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui makanan.

Setelah siri pertama diadakan dengan jayanya di Shah Alam, Selangor pada tahun lalu dengan tema nasi lemak, program pada kali ini telah berjaya mengumpulkan **lebih daripada 12 gerai Laksa Sarawak** yang mempunyai keunikannya tersendiri. Selain itu, terdapat **enam (6) makanan tradisi utama lain** dalam program ini seperti **nasi lemak, kuey teow goreng, ayam pansuh, nasi bryani, kek lapis dan latok**.

**Menariknya, kesemua premis restoran ini diberikan pengiktirafan sebagai Citarasa Menu Kami kerana telah berjaya mengetengahkan premis makanan yang menghimpunkan detik-detik perpaduan melalui hidangan pilihan makanan rakyat Malaysia.**

YB Dato Sri Aaron berkata, “Melalui penganjuran program FoodUnites ini, diharapkan agar **masyarakat dapat menghargai kepelbagaiannya budaya dan merasai kebanggaan sebagai satu komuniti yang bersatu padu selain dapat memupuk semangat perpaduan di kalangan pelbagai lapisan masyarakat**”.

Beliau kemudian turut mengumumkan bahawa **Program Foodunites ini akan dilaksanakan di 13 Negeri dan 3 Wilayah Persekutuan** bagi menyemarakkan perpaduan dalam kalangan rakyat Malaysia melalui pendekatan warisan makanan.

Mengenai penganjuran program FoodUnites di lokasi seterusnya, YB Dato Sri Aaron berkata KPN bercadang untuk melaksanakan program ini di Negeri Melaka dengan menampilkan menu warisan Melaka iaitu Asam Pedas.

Pelbagai aktiviti menarik telah diatur sepanjang dua hari program ini berlangsung seperti permainan traditional, cabaran makan laksa, persembahan sape, tarian tradisional, 1,000 kopi percuma, *car boot sale*, cabutan bertuah serta pameran daripada jabatan dan agensi kerajaan.

## Kementerian Perpaduan Negara

3 Februari 2024

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman, 7. Yayasan Tun Razak dan 8. Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA).*

Dikeluarkan oleh:-      Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ( )